

PUSAT SUKAN UniMAP

Unit Sukan telah berada di UniMAP bermula pada seawal tahun 2002 di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni iaitu bersamaan dengan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau lebih sinonimnya KUKUM yang mana unit ini telah beroperasi untuk memberikan perkhidmatan yang berbentuk aktiviti sukan, latihan, prasarana, alatan dan juga penyertaan kejohanan. Unit Sukan telah menyediakan pembangunan sukan yang berbentuk sukan prestasi tinggi, sukan teras dan sukan pilihan. Unit Sukan UniMAP telah menjadi ahli gabungan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) sejak tahun 2003 yang terdiri dari pelantikan sebagai Ahli Majlis MASUM dan juga Ahli Teknikal Kejohanan.

PUSAT SUKAN

Menjelang tahun 2008, pihak universiti telah memperakukan agar unit sukan dikembangkan sebagai sebuah PTJ. Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis ditubuhkan pada 1 Januari 2009, yang mana turut berfungsi sebagai satu pusat yang menyediakan prasarana, kemudahan dan persiapan untuk aktiviti sukan khususnya kepada Mahasiswa UniMAP. Pusat sukan beroperasi di kampus sementara Kubang Gajah Arau Perlis yang mana segala urusan pentadbiran, pengurusan prasarana dan juga stor peralatan telah di tempatkan di sana. Fungsi utama pusat sukan adalah untuk mengurus, menyediakan dan juga menjalankan aktiviti sukan khususnya untuk mahasiswa agar dapat beriadah dan juga menyertai pertandingan dengan lebih baik. Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan ahli majlis gabungan MASUM atau dikenali sebagai Majlis Sukan Universiti Malaysia yang merupakan satu badan sukan yang mana menganjurkan pelbagai aktiviti, kejohanan dan juga kursus-kursus yang berbentuk sukan kepada mahasiswa dan juga universiti-universiti yang terdapat di Malaysia seperti IPTA dan IPTS.

Selain itu Pusat Sukan juga turut menyediakan pelbagai kemudahan prasarana yang terdapat di sekitar kawasan kampus dan juga kolej kediaman. Prasarana peralatan dan juga gelanggang permainan turut di sediakan untuk mahasiswa menjalankan aktiviti riadah pelajar disamping dapat meningkatkan lagi sukan prestasi tinggi.

